

# UMS peruntuk RM99,000 bantuan kebajikan kepada 178 pelajar baharu B40

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) memperuntukkan sejumlah RM99,000 bantuan kebajikan untuk diagih-agihkan kepada seramai 178 pelajar baharu B40.

Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin berkata, daripada jumlah itu RM89,000 disumbangkan melalui Tabung Kebajikan Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS dan RM10,000 disumbangkan Pusat Alumni UMS.

Beliau berkata, setiap pelajar menerima sumbangan bantuan kebajikan sebanyak RM556.18 sen.

"Saya berharap para pelajar menjadikan sumbangan ini sebagai pendorong dan suntikan semangat untuk terus berusaha lebih gigih seterusnya mendapat kejayaan cemerlang dalam akademik.

"Para pelajar tidak tidak seharusnya menjadikan kemiskinan keluarga sebagai alasan untuk tidak meneruskan pengajian sebaliknya menjadikannya sebagai pembakar semangat mencapai kejayaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis Penyampaian Bantuan Kebajikan dan Ramah Mesra Pelajar B40 Universiti Malaysia Sabah, di Galeri Majlis Bangunan Canselori UMS, di sini, kelmarin.

Penyampaian bantuan disempurnakan oleh Penasihat Yayasan Nur Jauhar Toh Puan Norlidah RM Jasni.

Turut hadir Ahli Lembaga Universiti Datuk Pengiran Hj. Mohd Hussein Pengiran Mohd Tahir dan Datin Hajah Nurlaila

Said serta Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UMS Prof. Dr. Ismail Ali.

D Kamarudin berkata, program ambilan khas B40 merupakan satu program pelaksanaan mekanisme mod kemasukan pelajar baharu bagi isi rumah 40 peratus terendah yang dilaksanakan bermula sesi kemasukan tahun 2013/2014.

"Menerusi program ini, sebanyak 100 tempat ditawarkan bagi setiap sesi akademik di UMS bermula tahun 2013.

"Bagi sesi 2017/2018 UMS menawarkan 200 tempat dan seramai 178 pelajar mendaftar pada September lalu," katanya.

Beliau berkata, sehingga kini jumlah pelajar B40 yang berdaftar di UMS seramai 359 pelajar dan daripada jumlah itu seramai 84 pelajar akan bergraduat pada konvokesyen UMS ke-19 pada 18 hingga 20 November ini.

D Kamarudin turut meminta para pelajar yang menghadapi masalah atau isu berkaitan kebajikan pelajar seperti masalah kewangan, keluarga, pelajaran atau masalah lain supaya berjumpa terus dengan pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar untuk mendapatkan maklumat berkaitan bantuan kebajikan yang ditawarkan kepada mereka.

"Sehingga hari ini, UMS belum menerima rungutan atau aduan berkaitan kebajikan pelajar yang diabaikan. Ini kerana pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar sentiasa mengambil berat soal kebajikan pelajar," katanya. **-OLEH MARRYAN RAZAN**